

U B095 DEB

MAHATHIR-POLIS (EMBARGO: UNTUK SIARAN PADA 11 MALAM, 17 MEI)

KUALA LUMPUR, 17 MEI (BERNAMA) -- PASUKAN POLIS NEGARA INI BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENJALANKAN AMANAH NEGARA DAN RAKYAT SERTA TIDAK MEMBEZAKAN KAUM DAN AGAMA ATAU FAHAMAN POLITIK DALAM MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PADA MALAM INI.

KETIKA MERASMIKAN PENUTUPAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) DI SINI BELIAU BERKATA PERANAN PASUKAN POLIS RUMIT DAN MENCABAR.

DALAM USAHA MENCEGAH JENAYAH DAN MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG, MEREKA SENTIASA MENJADI SASARAN PENJENAYAH DAN MEREKA YANG TIDAK MEMATUHI UNDANG-UNDANG.

+DI ANTARA MEREKA ITU PULA ADA PELAMPAU AGAMA YANG SUDAH JAUH LARI DARIPADA AJARAN ISLAM SEHINGGA SANGGUP MEMBUNUH ANGGOTA POLIS YANG HANYA MENJALANKAN TUGAS UNTUK MENJAGA KESELAMATAN NEGARA,+ KATANYA YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI.

BELIAU SETERUSNYA BERKATA, PASUKAN POLIS JUGA TERPAKSA MENANGKIS DAN MEMBENDUNG GERAKAN KOMUNIS DI HUTAN. DALAM OPERASI-OPERASI POLIS MENENTANG PENGGANAS KOMUNIS, BANYAK KEJAYAAN DICAPAI TETAPI TIDAK DIISYTIHARKAN KERANA KEPENTINGAN PENERUSAN OPERASI ITU. -- LAGI.  
1723MST 17 05 86

U B098 DEB

MAHATHIR-POLIS 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, ADA GOLONGAN MASYARAKAT YANG MENJADIKAN PASUKAN POLIS SEBAGAI SASARAN ATAU TUMPUAN KRITIKAN APABILA TIMBUL ISU-ISU SEMASA YANG MELIBATKAN KELUHURAN PERLEMBAGAAN, KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DAN KESELAMATAN NEGARA KERANA TIDAK MENGETAHUI PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH POLIS.

+SAYA BERASA BANGGA DAN BERSYUKUR KERANA ANGGOTA-ANGGOTA PASUKAN POLIS TIDAK MUDAH DIPENGARUHI DAN DILEMAHKAN SEMANGAT OLEH DAKYAH-DAKYAH PALSU ITU TETAPI TELAH MENUNJUKKAN SIFAT-SIFAT KETAKWAAN, KESABARAN DAN KEBERANIAN DALAM MENGHADAPINYA.

+SAYA PERCAYA PASUKAN POLIS AKAN DAPAT MEMIKUL TANGGUNGJAWAB MEREKA DENGAN MEMUASKAN JIKA SIFAT-SIFAT ITU DIKEKALKAN DI SAMPING MENINGKATKAN MUTU DISIPLIN, KECEKAPAN SERTA AKHLAK,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA, KESELAMATAN DAN KEDAMAIAN NEGARA SUKAR DIPELIHARA SEHINGGA MEMERLUKAN BERIBU-RIBU JUTA RINGGIT BAGI MENINGKATKAN KEKUATAN POLIS DAN TENTERA.

KATANYA, PERBELANJAAN ITU DAPAT DISELAMATKAN DAN DIGUNAKAN UNTUK KEPERLUAN YANG LAIN JIKA RAKYAT BERDISIPLIN DAN BERPEGANG TEGUH KEPADA AJARAN ISLAM YANG SEBENAR IAITU BERAMANAH, LURUS SERTA MELAKUKAN KEBAIKAN.

-- LAGI.

1730MST 17 05 86

U B099 DEB

MAHATHIR-POLIS 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SEBAB ITULAH KERAJAAN MENGANJURKAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DAN MENGGALAKKAN PEMBACAAN AL-QURAN DENGAN MENGADAKAN MUSABAQAH.

+MASYARAKAT MALAYSIA BUKAN SAHAJA AKAN MENJADI LEBIH BAHAGIA TETAPI AKAN LEBIH DIHORMATI KERANA KEADAAN SENTIASA AMAN DAN SELAMAT TANPA TERLALU BANYAK KAWALAN OLEH POLIS DAN SEBAGAINYA,+ KATANYA.

TEMA MUSABAQAH PDRM PADA TAHUN INI IALAH +PROFESIONALISME TERAS PERKHIDMATAN POLIS+, SAMA SEPERTI TEMA PERAYAAN HARI POLIS. --  
BERNAMA

1733MST 17 05 86